

20 DEC 1997

Basikal-Komanwel

LE TOUR DE LANGKAWI BANTU PROMOSI SUKAN KOMANWEL

SHAH ALAM, 20 Dis (Bernama) -- Le Tour de Langkawi '98, perlumbaan jelajah lumba basikal paling kaya di Asia, akan digunakan untuk membantu mempromosi Sukan Komanwel Kuala Lumpur 98.

Pengerusi Le Tour de Langkawi Wan Lokman Wan Ibrahim berkata tugas promosi sukan itu bukan hanya terletak pada Sukom Ninety Eight Berhad, penganjur Sukan Komanwel 1998, tetapi juga di bahu setiap rakyat Malaysia.

"Menjadi tanggungjawab semua rakyat Malaysia untuk mempromosi sukan itu. Sehubungan itu, Le Tour de Langkawi akan bekerjasama dengan Sukom untuk membantu ke arah itu," katanya.

Sebelum itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, yang merupakan penaung Le Tour de Langkawi, menghargai para penaja jelajah berkenaan, yang akan dianjurkan buat kali ketiga sejak pertama kali berlangsung pada 1996.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata jelajah 1998 itu nanti akan berbeza dari jelajah lepas kerana ia juga berperanan mempromosi Sukan Komanwel.

Jelajah selama 12 hari yang akan bermula pada 18 Feb itu meliputi seluruh Malaysia dan dijangka disertai 25 pasukan. Jelajah itu merupakan yang ketiga terbesar di dunia selepas Tour de France and Giro d'Italia.

Wan Lokman berkata Le Tour de Langkawi akan memberikan pendedahan media untuk Sukom yang telah menawarkan peralatan dan pekerja yang akan terbabit dalam penganjuran Sukan Komanwel 98.

Turut hadir pada majlis itu ialah pengerusi eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad Tan Sri Hashim Mohd Ali. -- BERNAMA

ERE ES NW RI